



KEBERKESANAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM  
DALAM MENANGANI  
MASALAH SOSIAL DI KALANGAN REMAJA

MOHD GHAZALI BIN ZAKARIA

KERTAS PROJEKINI ADALAH  
SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN  
KURSUS DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM  
BAGI SESI 1996/1997

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
MALAYSIA

Surah "An-Nisaa":

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْكُمْ  
فَإِن تَنْزَعُ عَنْهُمْ فَفَرِّدُوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

*Maksudnya;*

*Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah RasulNya,  
dan "ulil amri" (orang-orang berkuasa) diantara kamu.*

*Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu,  
maka kembalilah ia kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (sunnahnya),  
jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian.*

*Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih Baik akibatnya.*

## **DEDIKASI**

*Buat ibu yang tercinta*

*Terima Kasih atas segala Pengorbananmu,*

*Teman-Manirah-*

## PENGHARGAAN

الحمد لله الذي هدانا و كانا لنهتدى لولا أن هدانا الله  
والصلوة والسلام على سيدنا محمد خاتم المرسلين  
وعلى آله وصحبه واهتدى بهديه الى يوم الدين

Alhamdullillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan kepada Allah Subhanawata'ala atas keizinanNya, akhirnya dapat penulis menyiapkan kertas projek ini. Segals kemudahan dan kesihatan yang dikurniakan semasa membuat kertas projek ini adalah rahmat yang tidak terhingga keatas penulis. Adalah diharapkan nanti agar kertas projek ini akan memberi kemanfaatan selain memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Selain itu setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan buat semua tenaga pengajar yang telah mencerahkan berbagai ilmu untuk penulis merencanakan kefaidupan ini kearah yang diredhai oleh Allah.

Penulis juga mengucapkan berbanyak terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga terutamanya kepada ibu tercinta yang banyak mencerahkan jasanya semasa penulis dalam pengajian ini. Tidak dilupakan terima kasih diucapkan kepada Manirah yang telah banyak memberi dorongan dan bimbingan hingga siapnya kertas projek.

**Diucapkan juga setinggi- tinggi penghargaan kepada En Baharuddeen Abu Bakar selaku penyelia kertas projek ini. Segala tunjuk ajar dan bimbingan kepada penulis adalah suatu yang amat berharga buat penulis.**

**Akhirnya penulis mengharapkan agar kertas projek ini dapat memberi kefahaman yang jelas kepada semua pembaca. Segala kritikan yang membina amat dialu-alukan kerana penulis merasakan banyak kekurangan dan kelemahan yang perlu diperbaiki untuk menuju kearah penulisan yang yang lebih baik.**

**Sekian Wassalam**

**Mohd Ghazali bin Zakaria**

**Safar 1418 H**

**Changkat Jering, Perak Darul Ridzuan.**

**Jun 1997 M**

## ABSTRAK

Undang-Undang Keluarga Islam adalah suatu cara untuk menyelesaikan masalah sosial di kalangan remaja. Dalam membentangkan kertas projek ini, penulis akan mengkaji sejauh mana perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia memberi kesan yang mendalam ke arah menangani masalah ini. Persoalan yang timbul sejauh mana Undang-Undang Keluarga Islam yang ada sekarang berperanan dengan sewajarnya seperti yang dilandaskan oleh Islam. Berdasarkan kepada aspek perlaksanaan undang-undang, penulis akan mengkaji enakmen-enakmen yang ada di negeri-negeri di Malaysia dan seterusnya mengenalpasti beberapa aspek yang perlu diambil perhatian baik berupa perubahan dan penambahan enakmen yang sedia ada. Kesimpulannya, penulis akan menggariskan cadangan dan rumusan demi memastikan bahawa Undang-Undang Keluarga Islam diberi keutamaan dalam menyelesaikan hal-hal yang berkaitan dengan kekeluargaan yang secara tidak langsung dapat menyelesaikan masalah sosial di kalangan remaja.

## **KANDUNGAN**

### **Muka Surat**

|                   |      |
|-------------------|------|
| Abstrak           | i    |
| Kandungan         | ii   |
| Senarai Statut    | v    |
| Senarai Kes       | vi   |
| Kependekan        | vii  |
| Transliterasi     | viii |
| Pendahuluan       | ix   |
| Metodologi Kajian | xii  |

## **BAB PERTAMA**

|   |    |
|---|----|
| 1 Definisi Undang-Undang Keluarga Islam     | 1  |
| 2. Konsep Undang-Undang Keluarga Islam      | 3  |
| 3. Skop Undang-Undang Keluarga Islam        | 5  |
| 4. Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia | 6  |
| 5. Definisi Masalah Sosial                  | 9  |
| 6. Kategori Masalah Sosial                  | 12 |
| 7. Kesan Masalah Sosial                     | 15 |
| 8. Definisi Remaja                          | 17 |
| 9. Peranan Remaja                           | 19 |

## BAB KEDUA

### **PUNCA MASALAH SOSIAL**

|  |    |
|--|----|
| 1. Permasalahan Individu dan Keluarga      | 21 |
| 2. Permasalahan Masyarakat                 | 27 |
| 3. Permasalahan Pemodenan                  | 31 |
| 4. Permasalahan Media Cetak dan Elektronik | 33 |

## BAB KETIGA

### **KEBERKESANAN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM**

|                                 |    |
|---------------------------------|----|
| 1. Kesan Perkahwinan            | 36 |
| 2. Kesan Pembubaran perkahwinan | 48 |
| 3. Kesan Pemberian Nafkah       | 55 |
| 4. Kesan Penjagaan              | 64 |

## BAB KEEMPAT

### **HAK-HAK SUAMI ISTERI DALAM RUMAHTANGGA** (Ibubapa Kepada Remaja)

|                              |    |
|------------------------------|----|
| 1. Hak Suami terhadap Isteri | 69 |
| 2. Hak Isteri terhadap Suami | 73 |

3. Hak Bersama Suami Isteri
4. Kesan Pengabaian Hak

## **BAB KELIMA**

### **CADANGAN DAN RUMUSAN**

1. Pendekatan Undang-Undang Keluarga Islam Kepada Remaja
2. Maklumat Undang-Undang Keluarga Islam Kepada Ibubapa
3. Penguatkuasaan Undang-Undang Keluarga yang menyeluruh
4. Bidangkuasa Undang-Undang Keluarga Islam yang luas
5. Pentadbiran dan Perlaksanaan Undang-Undang lebih teratur

dan kemas

## **BAB KEENAM**

Penutup

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

## **SENARAI STATUT**

- 1) Akta Undang-Undang Kduarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984
- 2) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kedab 1984
- 3) Enakmen Undang-Undang Kduarga Islam Kelantan 1983
- 4) Enakraen Undang-Undang Kduarga Islam Perak 1984 (Pindaan 1992)
- 5) Enakraen Undang-Undang Keluarga Islam Sdangor 1984
- 6) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976
- 7) Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah Selangor 1991
- 8) Akta Polis 1967
- 9) Perlembagaan Persekutuan Malaysia

## SENARAI KES

|   |       |
|---|-------|
| <u>Ainan bin Mahmud lwn Syed Abu Bakar bin Habib Yusoff</u> (1939) MU 209                     | 7     |
| <u>Aisnv bte Mohd Paris lwn Haji Fahro Rozi</u> [1990] 2 MU xxvi                              | 51    |
| <u>Che' Pa lwn Siti Rahmah</u> (1982)2 JH 244   | 52    |
| <u>Commissioner of Religious Affair Terengganu</u> lwn <u>Tengku Mariam</u><br>[1970] MLJ 222 | 7     |
| <u>Hi Ghazali lwn Asmah</u> (1981) 1 JH 86  | 61    |
| <u>Mariam lwn Mohd Ariff</u> [1971] 1 MU 265  | 7     |
| <u>Rosnah lwn Ibrahim</u> (1981) 1 JH 96  | 61    |
| <u>Sakdiah lwn Ahmad</u> (1981)2 JH 101   | 57    |
| <u>Shahamin Faizul Kung bin Abdullah</u> lwn <u>Asma bte Haji Yunus</u> [1991]3 MU 327        | 99    |
| <u>Syed Bulat b Syed Alwi lwn Intan bt Osman</u> (1982)2 JH 257                               | 50    |
| <u>Zahrah bt Omar lwn Saidon bin Itam</u> (1983)2 JH 225                                      | 66    |
| <u>Zaliha bt Zakaria lwn Rahmat</u> (1987)2 JH 316  | -. 66 |
| <u>Zawiyah lwn Ruslan</u> (1981)1 JH 108  | 59    |

## KEPENDEKAN

|               |   |
|---------------|---|
| Bhg           | : Bahagian                                |
| Cet           | : Cetakan                                 |
| FMSLR         | : Federated <b>Malay State Law Report</b> |
| J             | Jilid                                     |
| JH            | : Journal Hukum                           |
| Juz           | : Juzuk                                   |
| KY            | : Kyshe's Reports                         |
| <b>Mal LR</b> | : Malayan Law Reports                     |
| MLJ           | : Malayan Law Journal                     |
| m.s.          | : Mukasurat                               |
| s.            | : Seksyen                                 |
| SAW           | : Sallallahu 'alaihi wa sal lam           |
| S.W.T         | : Subhanahu wa Ta'ala                     |
| tp            | : Tanpa Penerbitan                        |
| t.t           | : Tanpa Tarikh                            |
| vol           | : volume                                  |

## TRANSLITERASI

|    |   |    |   |   |   |
|----|---|----|---|---|---|
| a  | ا | r  | ر | f | ف |
| b  | ب | z  | ز | q | ق |
| t  | ت | s  | س | k | ك |
| th | ث | sh | ش | l | ل |
| j  | ج | š  | ص | m | م |
| ه  | ح | د  | ض | n | ن |
| kh | خ | ذ  | ط | w | و |
| d  | د | z  | ظ | h | ه |
| dh | ڏ | gh | غ | y | ي |

**Vowel Panjang**

|   |     |
|---|-----|
| ا | - ā |
| ي | - ī |
| و | - ū |

**Vowel Pendek**

|   |     |
|---|-----|
| ء | - a |
| ئ | - i |
| ئ | - u |

**Diphthongs**

|    |      |
|----|------|
| ءو | - aw |
| ءى | - ay |

**Ulangan (Doubled)**

|    |        |
|----|--------|
| ءء | - uwwa |
| ئئ | - iyya |

Huruf ئ ditransliterasikan sebagai *superscript koma* dan tidak ditulis bila diawal perkataan.

Huruf ئ ditransliterasikan sebagai *superscript inverted koma*.

ء ditransliterasikan sebagai *ah* bila berhenti dan *ai* bila berterusan sesuatu ayat.

ءـ (al) ditransliterasikan sebagai ' bila berterusan sesuatu ayat.

## **PENDAHULUAN**

Kertas projek ini terbahagi kepada 5 bahagian;

Dalam bab pertama dinyatakan mengenai pengenalan kepada kertas projek ini dengan menyatakan pelbagai aspek dari segi definisi, konsep dan skop Undang-Undang Keluarga Islam. Seterusnya diterangkan dengan lebih lanjut tentang istilah, kategori dan kesan masalah sosial. Dinyatakan juga definisi serta peranan remaja. Ini dikupas dengan mengambil kira definisi dari pelbagai aspek baik dari segi Islam mahupun pendapat-pendapat ahli Sosiologi

Dalam bab kedua ditumpukan kepada punca-punca masalah sosial di kalangan remaja. Penulis mengambil perhatian dari aspek individu dan keluarga, masyarakat, pemodenan, media cetak dan elektronik.

Dalam bab ketiga penulis meninjau tujuan kertas projek ini dijalankan iaitu keberkesanan undang-undang keluarga Islam dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja. Penulis meninjau dari aspek kesan perkahwinan, kesan pembubaran perkahwinan, kesan pemberian nafkah dan kesan penjagaan.

Dalam bab keempat penulis telah mengkhususkan ke atas peranan suami istri dalam rumah tangga yang perlu dilaksanakan demi melahirkan anak serta remaja yang berakhhlak tinggi Peranan ibubapa amat penting bagi membentuk anak-anak yang bertanggungjawab serta berwibawa.

Dalam bab kelima penulis telah memberikan cadangan serta rumusan untuk mengatasi masalah ini dengan lebih berkesan dengan mengambil kira aspek perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam, bidangkuasa Mahkamah Syariah, pendekatan undang-undang Islam kepada remaja dan beberapa aspek lain yang perlu diambil perhatian.

Kesimpulannya kertas ini melihat sejauhmana Undang-Undang Keluarga Islam yang ada sekarang mampu menyekat dan menangani masalah sosial di kalangan remaja yang semakin meruncing dan membimbangkan pelbagai pihak.

## METHODOLOGI PENYELIDIKAN

Kaedah penyelidikan yang teratur dan tersusun adalah penting dalam membuat sesebuah penyelidikan. Apa yang dimaksudkan dengan methodologi penyelidikan ialah bagaimana seseorang itu mendapat maklumat bagi mencapai sesuatu matlamat penyelidik. Disini penulis akan berpandukan kepada objektif penyelidikan penulis dalam proses pengumpulan data-data yang berkaitan. Oleh itu data-data yang dikumpulkan hendaklah tidak lari daripada objektif yang telah digariskan.

### Cara Pengumpulan Data

Memandangkan bentuk penyelidikan yang akan dilakukan adalah dari jenis penyelidikan Dalaman, jadi cara pengumpulan data adalah melalui kaedah Dokumentasi iaitu merujuk kepada bahan-bahan cetak, majalah dan lain-lainnya. Sumber-sumber data yang penulis dapati adalah hasil rujukan yang dibuat di Perpustakaan berikut;

- a. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Gombak
- b. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya
- c. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- d. Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur

## **Tujuan Kajian**

Tujuan kajian dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Melihat keberkesanan Undang-Undang Keluarga Islam dalam menyelesaikan hal-hal yang berkaitan dengan kekeluargaan terutamanya masalah sosial di kalangan remaja
2. Mengkaji sejauhmana perlaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam di Malaysia memberi kesan yang mendalam ke arah menangani masalah sosial di kalangan remaja.
3. Mengkaji aspek peruntukan dalam enakmen-enakmen yang ada dan seterusnya mengenalpasti perubahan serta penambahan enakmen yang sedia ada.

## **Masalah Kajian**

Dalam masa penulis membuat kajian dan penyelidikan ini, beberapa masalah dikenalpasti di antaranya ialah dari segi masa yang agak terhad untuk menyiapkan kertas projek ini. Seterusnya, penulis menghadapi masalah menterjemahkan dan memahami beberapa buah buku, majalah serta artikel-artikel yang ditulis dalam bahasa Arab dan Inggeris. Demikian itu penulis mengakui bahawa mungkin ada terjemahan yang penulis buat kurang tepat dan susunan bahasanya tidak memuaskan.

# **BAB KELIMA**

# **CADANGAN DAN**

# **RUMUSAN**

## Pendekatan Undang-Undang Keluarga Islam kepada Remaja

Pendekatan yang sewajamnya diberikan kepada undang-undang keluarga ini agar diketahui oleh para remaja demi menanamkan perasaan tanggungjawab dan rasa perihatinan terhadap undang-undang.

Undang-Undang Keluarga Islam patut diketahui oleh remaja baik di peringkat sekolah rendah atau menengah. Ini kerana satu laporan yang disediakan oleh Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman mendedahkan data tangkapan remaja bagi kesalahan jenayah kekerasan dan jenayah harta benda untuk tempoh 1994-1996 mengikut umur adalah dipecahkan kepada 3 kumpulan umur iaitu peringkat umur 10-12 tahun, 13-15 tahun dan 16-18 tahun. Pecahan ini berdasarkan kategori umur persekolahan iaitu Sekolah Rendah (darjah 6 ke bawah), Menengah Rendah (tingkatan 1-3) dan Menengah Atasan (tingkatan 4 ke atas).

Oleh itu beberapa aspek tentang undang-undang Keluarga Islam patut diserapkan dalam sistem pembelajaran di samping menanam sifat mulia terhadap ibubapa seterusnya masyarakat. Kesilapan institusi pembelajaran yang diikuti oleh anak-anak belum memahami undang-undang Islam iaitu mereka telah menerokai bidang fardu kifayah yang

tidak berprinsipkan pendidikan Islam seperti bidang kedoktoran, kejuruteraan, ekonomi, pengurusan, akauntan dan sebagainya.<sup>1</sup>

Pembelajaran mengenai rumahtangga hendaklah diajarkan di menengah sekurang-kurangnya di peringkat tingkatan 4 kerana pelajar ini akan mengharungi alam dewasa dan pada bila-bila masa sahaja boleh memasuki gerbang rumahtangga.

Penumpuan nilai dan etika melalui Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah berkait rapat dengan program-program Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral. Dalam kurikulum pendidikan Agama Islam pelajar diberi penekanan kepada pengertian dan signifikan Agama Islam yang praktikal kepada situasi cara hidup di dunia. Selain daripada itu, pendidikan Agama Islam juga menekankan kepada perlakuan serta penghayatan nilai-nilai agama yang terpuji sebagai asas kepada membuat keputusan dalam kehidupan sehari-hari. Dengan penghayatan nilai agama yang baik, pelajar dilatih untuk bertanggungjawab kepada tuhan yang Maha Esa, masyarakat dan alam sekitarnya.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Hj Asmungi bin Hj Mohd Sidek. Tanggungjawab Suami Isteri di dalam Islam, dalam seminar Kursus Keluarga bahagia. ITM Shah Alam. 26.8.1986

<sup>2</sup> Dr Siti Hawa Ahmad, Pendekatan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menangani Masalah Sosial dalam seminar Masalah Sosial Remaja Masakini dan Mekanisma Mengatasinya, MAYC Kuala Lumpur. 29.4.1997

Melalui kurikulum dan ko kurikulum yang terancang serta perlaksanaannya yang berjaya, pelajar secara tidak langsung akan ditegah daripada melakukan sesuatu yang negatif. Kejayaan sesuatu sistem pendidikan itu juga dapat dicerminkan melalui tingkahlaku pelajar yang baik dari menghindari perbuatan salah laku. Pencegahan itu boleh dilakukan melalui pembekalan ilmu pengetahuan kepada pelajar dan mendedahkan kepada mereka maklumat-maklumat terperinci yang harus mereka ketahui.

Dalam usaha mencegah perbuatan salahlaku dan tingkahlaku negatif, sekolah ada menyediakan dokumen peraturan sekolah. Peraturan sekolah ini dimaklumkan kepada semua pelajar serta ibubapa mereka agar pelajar-pelajar menyedari bahawa di sekolah mereka adalah tertakluk kepada satu peraturan yang diterima sebagai norma budaya dan masyarakat setempat. Dalam hal ini pelajar seharusnya mengamalkan tingkahlaku serta perbuatan yang dapat dilihat sebagai pelajar yang berdisiplin.

Di samping langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan yang baik dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja, berikut adalah beberapa cadangan yang difikirkan perlu di samping langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan, di antaranya;

Pertama. Pendidikan Agama hendaklah dititikberatkan terlebih dahulu kepada pelajar pada peringkat awal lagi iaitu di peringkat tadika dan sekolah rendah. Mereka

harus ditanam perasaan cinta pada Agama dan seterusnya menjadikan Islam itu asas yang kukuh dalam membentuk peribadi mereka.

Kedua, mereka hendaklah diterangkan tentang undang-undang yang terdapat dalam keluarga Islam seperti taat kepada ibubapa dan guru. Dengan cara ini mereka terdedah dengan tatacara hidup yang sempurna. Jangan biarkan mereka abai kewajipan mereka sebagai pelajar dan isikan masa lapang mereka dengan perkara yang berfaedah.

Ketiga, kakitangan mahkamah hendaklah mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah dengan menerangkan undang-undang Islam kepada mereka. Pelajar-pelajar perlu diberi pendedahan begini supaya mereka peka akan undang-undang Islam dan berusaha untuk memelihara budipekerti mereka selaras dengan tuntutan agama. Apa yang penting disini ialah menanamkan sifat keimanan dalam jiwa mereka di peringkat awal . Ini secara tidak langsung akan menghindarkan mereka dan terjermus dalam kancang masalah sosial atas sebab kurangnya pengetahuan tentang agama dan keyakinan diri.

Keempat, di peringkat sekolah menengah, jadikan pelajaran Undang-Undang Keluarga Islam sebagai salah satu matapelajaran wajib. Mereka perlu diberi pendedahan kepada keperluan institusi kekeluargaan, hak-hak mereka serta budipekerti mereka. Di samping itu juga perlu diadakan bengkel diantara pelajar dan ibu bapa bagi tujuan mengeratkan hubungan kekeluargaan di antara mereka.Pengetahuan tentang undang-undang ini dapat dijadikan landasan hidup mereka apabila mereka berkahwin kelak.

Kesimpulannya, memahami psikologi remaja ada kaitannya dengan proses pembinaan fitrah insan itu sendiri Sekiranya kemasukan yang mendatangi pemikiran, emosi, tingkahlaku, model peranan menawarkan unsur-unsur negatif kemungkinan remaja dipengaruhi tetap ada.

## Maklumat Undang-Undang Keluarga Islam kepada ibubapa

Tidak ada satupun peraturan yang lebih lengkap dari segi penyelesaiannya melainkan kembali kepada undang-undang Islam yang mana ibubapa sekarang mengabaikannya Ibubapa perlu diberi pendedahan tentang undang-undang keluarga Islam supaya pengurusan rumahtangga dilandaskan kepada tuntutan Islam.

Undang-undang Keluarga Islam patut diketahui oleh ibubapa dalam urusan rumahtangga mereka di atas sebab-sebab berikut;

Pertama, Undang-Undang Keluarga Islam menggariskan tanggungjawab seorang ibubapa dalam Islam seperti yang diperuntukan dalam enakmen Undang-Undang Keluarga Islam di setiap negeri.

Kedua, Undang-Undang Keluarga Islam menerangkan hak-hak dan kewajipan bagi setiap individu dalam anggota keluarga dengan adil dan saksama. Lelaki dan perempuan telah ditetapkan oleh Allah dengan tugas masing-masing. Firman Allah;<sup>3</sup>

وَمِنْ عَمَلٍ صَالِحٍ مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ اُنْثِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَهُ حِسْبٌ طَيِّبَةٌ  
وَلَنْجَزِينَهُمْ أَجْرٌ هُمْ بِاَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

<sup>3</sup> Al-Qur'an. Al-Nahl, 97